



EDARAN TERHAD

Ruj.Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 3 (18)
Tarikh : 26 Februari 2021

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN KEHADIRAN MURID TAHUN 1 TAHUN 2021 SECARA BERPERINGKAT

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan tarikh pembukaan sekolah bagi murid prasekolah, Tahun 1 dan Tahun 2 bermula pada 1 Mac 2021. KPM menyedari terdapat sekolah yang mempunyai enrolmen murid Tahun 1 yang tinggi dan murid ini baharu menempuh alam persekolahan secara formal.

3. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan keselamatan dan kesihatan murid dalam norma baharu, pihak sekolah diminta mengambil langkah yang bersesuaian termasuk menyusun jadual kehadiran secara berperingkat bagi murid Tahun 1. Contoh cadangan jadual kehadiran murid secara berperingkat adalah seperti berikut:

PERINGKAT	MASA MASUK
Kumpulan Pertama	7.30 pagi
Kumpulan Kedua	8.00 pagi
Kumpulan Ketiga	8.30 pagi

EDARAN TERHAD

KPM.100-1/3/2 Jld. 3 (13)

4. Jadual kehadiran murid secara berperingkat berkenaan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh seminggu bagi memberi peluang kepada murid Tahun 1 menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah dalam norma baharu. Pihak sekolah hendaklah memaklumkan kepada ibu bapa/penjaga berhubung peringkat dan masa anak/anak jagaan hadir ke sekolah mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD JAMIL BIN MOHAMED)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia